

Utamakan pelancongan tempatan

B.H - 1 SEP 1993

Oleh Mohd Shah Abdullah

SANTUBONG, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat memberi lebih tumpuan memajukan sektor pelancongan dalam negeri dan tidak terlalu bergantung kepada kedatangan pelancong asing.

Perdana Menteri berkata, bagi mencapai tujuan itu rakyat tempatan digalakkan melawat tempat menarik di seluruh tanah air tanpa perlu menghabiskan banyak wang melancong ke luar negara.

Menurutnya, pemaju hotel pula perlu menyediakan kemudahan penginapan mencukupi dan tidak terlalu membebankan orang ramai yang berkunjung ke sesuatu destinasi pelancongan.

Berucap merasmikan pembukaan Santubong Resort, di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata, kerajaan juga berharap lebih banyak pelancong asing akan datang ke negara ini kerana kadar tukaran Ringgit Malaysia (RM) masih rendah berbanding kebanyakan negara luar.

"Kita harap pelancong dari seluruh dunia, termasuk Eropah dan Amerika akan datang ke Malaysia kerana mereka tidak perlu berbelanja besar untuk ke sini," katanya.

Hadir sama di perasmian itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri, Tan Sri

Abdul Taib Mahmud dan Puan Sri Laila serta Pengerusi Santubong Resort, Datuk Ting Pek Khiing.

Santubong Resort adalah hotel bertaraf tiga bintang tetapi menawarkan kemudahan setanding hotel lima bintang.

Majlis itu adalah acara kedua Perdana Menteri selepas menyaksikan perbarisan Hari Kebangsaan, di Padang Merdeka pada sebelah pagi. Beliau mempunyai atur cara yang ketat sehingga petang ini, termasuk meletakkan batu asas Universiti Sarawak Malaysia (Unimas), di Samarahan.

Dr Mahathir berkata, rantau ini, khususnya Malaysia adalah kawasan berpotensi untuk aktiviti pelancongan kerana banyak memberi keuntungan sama ada tukaran asing atau tunai kepada pelancong asing.

Sambil memuji usaha Ting yang terbabit aktif dalam pembinaan hotel, termasuk Delima Resort di Langkawi dan Vietnam sebelum ini, Dr Mahathir berkata, kerajaan menyumbang 30 peratus dalam projek Santubong Resort itu.

Katanya, Ting juga diberi tanggungjawab menyediakan dewan pameran untuk program Lima '93, di Langkawi akhir tahun ini dan sehingga ini

kerajaan berpuashati dengan kemampuannya yang ditunjukkannya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga komited bagi memaju dan menggalakkan industri pelancongan dan sudah bersedia untuk menganjurkan program Tahun Melawat Malaysia (TMM) 1994.

Menurutnya, hotel bertaraf tiga bintang dengan kemudahan serba lengkap seperti Santubong Resort itu adalah wajar bagi membantu menggalakkan industri pelancongan negara.

Katanya, pengusaha hotel juga perlu mengutamakan layanan mesra kepada pelanggan sesuai dengan amalan tradisi masyarakat di negara ini.

Menurutnya, tahun ini kerajaan menyediakan peruntukan lebih RM100 juta bagi tujuan pelancongan manakala tahun lalu berjumlah kira-kira RM200 juta.

Beliau berharap dengan wujudnya Santubong Resort itu lebih banyak pelancong akan datang ke Sarawak untuk melihat keindahan serta tempat menarik di negeri ini.

"Kita berharap Kerajaan Pusat dan negeri akan saling membantu memajukan industri pelancongan ini," katanya.